

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	01.10.2022	Terima RM100K! – Bekas YDP MDKL Didakwa Atas Empat Pertuduhan Rasuah	Harian Metro	2
2.	03.10.2022	Sistem Kawalan Perolehan Dalam PBT Lemah	Sinar Harian	3
3.	03.10.2022	Fasa Mobilisasi LCS Tunjuk Perkembangan Positif - Hishammuddin	Sinar Harian	4
4.	05.10.2022	Setiausaha GLC Direman Disyaki Palsu Dokumen	Harian Metro	5
5.	05.10.2022	Two LCS Contractors Sue BNS, BHIC Over outstanding Payments, Contract Termination	The Edge CEO Morning Brief	6
6.	05.10.2022	Dua Didenda RM45K, RM10K Rasuah Kepada Ejen TNB RM35K	Harian Metro	7
7.	06.10.2022	RM11 Bil Unclaimed	The Sun	8
8.	06.10.2022	Tender Meriam SPH Belum Ditawarkan	Sinar Harian	9
9.	06.10.2022	Aset TLDM Makin Usang	Harian Metro	10
10.	07.10.2022	'Hanya Langkah Pendek' – Laporan Ketua Audit Negara	Sinar Harian	11
11.	12.10.2022	Bekas YDP Nafi Terima Suapan	Harian Metro	12
12.	12.10.2022	Didakwa Terima RM90K – Bekas Pengurus Komersial MAHB Tak Mengaku Salah	Harian Metro	13
13.	13.10.2022	SPRM Tahan Wanita Cuba Sogok PGA RM800	Harian Metro	14
14.	19.10.2022	SPRM Tahan Ketua Jabatan Kerajaan Bergelar 'Datuk'	Sinar Harian	15
15.	19.10.2022	Ketua Jabatan Ditahan SPRM – Disyaki Terima Rasuah Salah Guna Kuasa	Harian Metro	16
16.	19.10.2022	Ketua Jabatan Bergelar Datuk Didakwa Makan Suapan	Kosmo	17
17.	20.10.2022	Cubaan Tipu Kastam – Hadapi 11 Pertuduhan Palsu Boring Isytihar Barang Eksport, 11 Pertuduhan Guna Invois Palsu	Harian Metro	18
18.	20.10.2022	Pegawai Khas Ketua Jabatan Kerajaan Ditahan	Sinar Harian	19
19.	28.10.2022	Bomba Didakwa Makan Suapo RM3K	Harian Metro	20
20.	28.10.2022	Pengarah Nafi Palsu Dokumen Untuk Raih Untung	Harian Metro	21

1 OKTOBER 2022 | SABTU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 3



MOHD Azhar (kanan) dihadapkan ke mahkamah atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM100,000 daripada seorang individu pada tahun 2017 dan 2019. - Gambar NSTP/NORZAMIRA CHE NOH

TERIMA RM100K!

Bekas YDP MDKL didakwa atas empat pertuduhan rasuah

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan menerima suapan RM100,000 daripada seorang individu pada tahun 2017 dan 2019.

Tertuduh, Dr Mohd Azhar Mohamed Ali, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut semua kertas pertuduhan, Mohd Azhar

sebagai YDP MDKL (kini Majlis Perbandaran Kuala Langat) didakwa menerima untuk dirinya iaitu wang tunai RM100,000 tanpa balasan daripada seorang lelaki berusia 43 tahun yang mana diketahui mempunyai hubungan dengan kerja rasminya sebagai YDP MDKL ketika itu.

Justeru, Mohd Azhar melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165, Kanun Keseksaan dan boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di

MDKL, Banting; di Taman Casa Mekar Sungai Merab, Sepang serta di pusat peranginan di Jalan Pulau Carey antara Julai 2017 hingga April 2019.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Noryusriza Zulkifli menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan beserta syarat tambahan, tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai serta melaporkan diri di Pejabat SPRM terdekat setiap awal bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam Ariff Azami Hussein memohon agar jaminan dikurangkan kerana Mohd Azhar menanggung sembilan anak tiri yang mana lapan daripadanya masih bersekolah.

Beliau berkata, isteri tertuduh pula adalah seorang suri rumah dan pembelaan memohon jaminan sekitar RM20,000.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM50,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 Oktober ini.

Mahkamah
membenarkan
tertuduh dijamin
RM50,000

3 OKTOBER 2022 | ISNIN | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 15

Sistem kawalan perolehan dalaman PBT lemah

SHAH ALAM - Sistem kawalan perolehan dalaman lemah dan kecurangan melibatkan pemimpin di peringkat atasan dilihat menjadi faktor utama peningkatan kes rasuah serta salah guna kuasa melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Badlishah Sham Baharin berkata, kelompongan serta kepincangan sistem kawalan dalaman PBT melibatkan perolehan dan pengurusan tender projek menyaksikan jenayah kolar putih berlaku secara berleluasa.

Katanya, kelemahan tersebut mengundang berlakunya ketirisan dan perbuatan suapan dalam pelbagai bentuk untuk meluluskan projek yang dilaksanakan oleh PBT.

"Isu rasuah dan salah guna kuasa melibatkan PBT sudah lama berlaku. Banyak kes berlaku melibatkan PBT. Kita juga mengetahuinya menerusi Laporan Ketua Audit Negara bahawa PBT merupakan antara lokasi berlakunya ketirisan wang rakyat.

"Akta-akta kawal selia perolehan di negara kita sudah ada, namun pelaksanaan dan sistem kawalan yang lemah menyaksikan masalah rasuah serta salah guna kuasa masih berlaku melibatkan institusi penting seperti PBT.

"Oleh sebab itu, kita di dalam Rasuah



ZULHIMI

Busters menuntut supaya Akta Perolehan Kerajaan digubal seperti mana yang terdapat di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mengukuhkan lagi akta-akta melibatkan prosedur dalaman, perolehan serta tawaran perkhidmatan, seterusnya boleh mengatasi isu ketirisan serta rasuah," katanya kepada kru Rasuah Busters.

Mengulas lanjut, Badlishah berkata, projek dan tender yang banyak daripada PBT kepada kumpulan kontraktor menyaksikan perkara itu seakan sukar dikawal sepenuhnya bagi proses penelitian kesahihan.

Menurutnya, perbuatan menawarkan sebut harga palsu sering berlaku dalam kalangan kontraktor yang telah dipilih menerima projek atau tender daripada pihak PBT.

Sementara itu, Timbalan Presiden Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (Pemuda GEMA), Zulhimi Bachok berkata, secara umumnya perolehan mana-mana projek kerajaan perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Tambahnya, permainan politik melibatkan kumpulan PBT dengan pihak kontraktor adalah sangat licik apabila seakan berlaku 'kerjasama' untuk memperoleh manfaat bersama melibatkan tender atau projek pembangunan yang bakal dilaksanakan.

3 OKTOBER 2022 | ISNIN | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 9

SINAR HARIAN • ISNIN 3 OKTOBER 2022



Fasa mobilisasi LCS tunjuk perkembangan positif - Hishammuddin

KUALA LUMPUR - Fasa mobilisasi projek Kapal Tempur Pesisir (LCS) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) selama enam bulan bermula Jun lepas menunjukkan perkembangan positif dan berjalan lancar selari dengan syor oleh beberapa pihak berkepentingan.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, banyak perkara telah dilaksanakan dan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan pertama fasa tersebut terutama dari sudut komersial dan antara kerajaan dengan kerajaan. Beliau berkata, hasil runding-

an yang dibuat dengan 145 vendor tempatan dan 42 pengilang peralatan asli (OEM) luar negara, Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) selaku syarikat pembuat telah menerima aku janji terutama melibatkan peralatan serta sistem untuk menyokong BNSSB meneruskan projek LCS.

"Proses penamatan syarikat Contraves Advanced Devices (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn Bhd (CED)



HISHAMMUDDIN

selaku orang tengah juga sedang giat dilakukan bagi membolehkan BNSSB berunding secara terus dengan OEM dan vendor.

"Langkah ini akan dapat mengurangkan kos peralatan kapal yang perlu dibayar kepada vendor dan OEM memandangkan tiada

lagi penglibatan pihak pengantara," katanya dalam kenyataan.

Hishammuddin berkata, wakil Kerajaan Perancis juga telah bertemu dengannya dan me-

nyerahkan komitmen bertulis menyatakan projek LCS turut menjadi keutamaan negara itu sekali gus akan meneruskan serta menyelesaikan projek berkenaan.

Katanya, pembinaan LCS juga hanya akan disambung semula sebaik sahaja semua rundingan selesai dan setiap perjanjian dimuktamadkan dalam fasa mobilisasi yang akan berakhir Disember nanti dan beliau telah menegaskan sekurangnya sebuah LCS perlu siap sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun ini.

"Tempoh ini, realistik me-

mandangkan apabila fasa mobilisasi ini selesai, semua pihak terlibat mempunyai 14 bulan untuk memastikan kapal siap dibina dan berada di permukaan air sebelum menjalani latihan seperti *Harbour Acceptance Test* dan *Sea Acceptance Trial*," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin memaklumkan sementara menunggu LCS siap sepenuhnya, TLDM telah memohon perolehan Kapal Misi Pesisir (LMS) kumpulan kedua yang dilengkapi persenjataan yang lebih menyeluruh dan perkara itu telah dibawa ke Unit Perancang Ekonomi oleh menteriannya. - *Bernama*

5 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 7

Setiausaha GLC direman disyaki palsu dokumen

Johor Bahru: Setiausaha sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri ini direman dua hari selepas disyaki memalsukan dokumen bagi mendapatkan kelulusan bayaran daripada pihak pengurusan, akhir tahun lalu.

Perintah tahanan reman terhadap tertuduh yang berusia 35 tahun itu dikeluarkan Majistret R Salini hari ini selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Permohonan reman itu dibuat bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat ke atas suspek mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, suspek tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 9 pagi dengan berpakaian lokap SPRM berwarna jingga serta tangan bergari.

Difahamkan, lelaki berkenaan menyediakan minit ahli lembaga pengarah palsu dengan tujuan mendapatkan kelulusan bayaran dividen dengan kadar yang tinggi, bayaran elaun pengarah dan bayaran insentif kepada setiausaha syarikat



SUSPEK direman dua hari selepas disyaki memalsukan dokumen bagi mendapatkan kelulusan bayaran daripada pihak pengurusan, akhir tahun lalu. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

dan pegawai akaun bagi pihak syarikat terbabit.

Pada masa sama, suspek juga disyaki mendapatkan tandatangan daripada bekas

pengarahnya dengan tujuan mengelirukan pihak pengurusan GLC terbabit supaya permohonan semua bayaran itu diluluskan.

The Edge CEO Morning Brief | 5 October 2022 | Page 6

KUALA LUMPUR (Oct 4): Two contractors of the controversial littoral combat ship (LCS) project whose contracts were terminated have sued Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd for outstanding payments and a declaration that the contracts are not void.

The lawsuits were filed by Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD) and Contraves Electroynamics Sdn Bhd (CED), both of which are 51:49 joint ventures between Boustead Heavy Industries Corp Bhd (BHIC) and Germany's Rheinmetall Group.

CAD and CED are both the recipients of 12 letters of awards (LOAs) from BNS for the procurement, engineering, integration and supply of equipment and weaponry for the six LCS. The LOAs were terminated in August 2022.

The suit is seeking an order for BNS to pay CAD alleged outstanding amounts of RM880,068.21, €39.87 million (RM182.96 million), £3.78 million (RM19.95 million) and 55.94 million Swedish krona (RM23.8 million).

Furthermore, BNS also has to pay an alleged outstanding amount of RM216.65 million to CED.

This amounted to RM444.24 million worth of claims by the companies combined, back of the envelope calculations showed.

The Edge reported last month that BNS had terminated CAD and CED as intermediaries of the project, as this termination allowed BNS to negotiate directly with the relevant original equipment manufacturer (OEMs).

The terminations came amid allegations of misconduct, illegality and fraudulent dealings in relation to the LOAs issued to the contractors, in the wake of the Public Accounts Committee (PAC) report on the LCS project delays and cost overrun.

According to BHIC's filing with Bursa Malaysia, other defendants named in the suit by CAD and CED are BHIC and its wholly owned subsidiary BHIC Defence Technologies Sdn Bhd (BHICDT).

The suit further named two BHICDT directors Dr Salihin Abang and Vice Admiral Datuk Syed Zahiruddin Putra Syed



Two LCS contractors sue BNS, BHIC over outstanding payments, contract termination

BY SYAFIQAH SALIM
theedgemarkets.com

Osman as defendants. Salihin is a nominee director in CAD and CED, while Syed Zahiruddin is a nominee director in CAD.

Among the 17 items under the claim is a declaration that the 12 LOAs from BNS are not void and remain valid and subsisting.

Further, the suit alleged that Salihin and Syed Zahiruddin had breached their fiduciary duties, common law or statutory duties under the provisions of the Companies Act 2016.

It alleged the duo had conspired to injure or defraud CAD and CED, as well as wrong-

fully interfered with the actions of the plaintiffs' OEMs in relation to their contracts.

BHIC, however, has denied the allegations made by CAD and CED, adding the allegations are baseless, frivolous, vexatious and unjustifiable.

"The boards of BHIC, BHICDT and BNS believe that the plaintiffs' claims are untenable and are therefore positive that the companies will prevail in this litigation," said BHIC.

BHIC said it is currently assessing any financial and operational impact of the claim to the group.

The case management for the claim has been fixed for Oct 11.

BHIC shares closed up 1.5 sen to 38 sen on Tuesday, giving the group a market capitalisation of RM94.41 million.

Read also:

No further delay in LCS project despite termination of contractors — BNS

RM9 bil LCS fiasco simplified

Visit to LCS site hints at a long sail towards completion

5 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 22

Dua didenda RM45k, RM10k rasuah kepada ejen TNB RM35k

Melaka: Dua lelaki masing-masing didenda RM45,000 dan RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam selepas mengaku memberi suapan bernilai RM35,000 kepada ejen Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai ganjaran untuk tidak mengambil tindakan membatalkan kegiatan Bitcoin.

Hakim Elesabet Paya Wan, menjatuhkan hukuman itu terhadap Tey Boon Sin, 33, dan Leang Tin Sheng, 43, selepas kedua-dua mereka mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan pilihan yang dibacakan jurubahasa mahkamah secara berasingan.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Boon Sin didakwa memberi suapan iaitu wang tunai sebanyak RM32,000 kepada ejen TNB sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan kerana kerana melakukan kesalahan menggunakan elektrik dengan curang mengikut Seksyen 37(1) dan 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di Melaka Tengah



TERTUDUH Leang Tin Sheng (kiri) dan Tey Boon Sin dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ayer Keroh selepas dijatuhi hukuman denda. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI.

pada jam 3.45 petang, 6 Oktober 2021 dan jam 6 petang, 19 November tahun sama.

Ting Sheng pula didakwa melakukan perbuatan sama dengan memberikan wang tunai sebanyak RM3,000 dalam kejadian di Medan Samudera, Jalan Merdeka, Melaka Tengah dan A Famosa, Freeport, Alor Gajah pada 20 September dan 4 Oktober 2021.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 214

Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak sampai 10 tahun, diseksa dengan penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh, Boon Sin, yang diwakili peguam Azrul Zulkifli Stork merayu agar hukuman ringan berbentuk denda dikenakan dengan alasan anak guamnya itu tidak mempunyai pekerjaan tetap selain perlu menanggung isteri serta anak, Tin Sheng pula yang diwakili peguam Azri Abd Hamid.

6 OCTOBER 2022 | THURSDAY | THE SUN | PAGE: 1

RM11 bil unclaimed

BY MUHAMMAD YUSRY
newsdesk@thesundaily.com

➤ Individuals, corporations urged to collect money from dormant accounts, funds

PETALING JAYA: Despite the best efforts of authorities to return unclaimed money to the rightful owners, an Accountant-General's Department (AGD) spokesman told *theSun* the figure has increased and now stands at RM11.06 billion – a rise of RM4.13 billion from 2019.

However, the funds are still available to be claimed from the Finance Ministry's Registrar of Unclaimed Money.

In 2017, former deputy finance minister Datuk Othman Aziz told Parliament unclaimed money totalled RM5.96 billion that year. In 2019, then deputy finance minister Amiruddin Hamzah said the figure was RM6.93 billion.

Unclaimed money is defined as funds that are legally owned by the public but remained unclaimed, or money that has been dormant in various accounts for many years.

The AGD spokesman said there are three categories of unclaimed money. The first are those that have been unpaid for at least a year, such as salaries, bonuses, dividends and insurance claims. The second are funds that have been idle for at least seven years in savings, current and fixed deposit accounts.

The third category involves money paid to credit a trade account that has

been dormant for at least two years, such as trade creditors' accounts and trade debtors' accounts with a credit balance.

"There is still a considerably large number of individuals and corporations that are unaware of the existence of unclaimed funds that are held under the Unclaimed Moneys Act 1965.

However, the AGD has been involved in all 100 Malaysian Family Aspirations programmes nationwide to educate individuals and corporations on how to check and make their claims.

"In addition, we have also received comments from individuals who do not want to claim their money due to the small amount involved. Regardless, we have processed payments as small as RM0.01 for applicants via eGUMIS, which is our online portal at <https://egumis.anm.gov.my/>," said the spokesman.

According to Section 13(1) of the Act, payment shall be made to any recipient who can prove and satisfy AGD officers that he has a legal right to the money as claimed.

The spokesman urged the public to check for unclaimed money through its eGUMIS, AGD counters nationwide, or via gazetted records in the National Library. The public may apply to claim their money via online, counter or registered post.

The public is also advised to refer to its

online portal for procedures to retrieve unclaimed money. Brochures can also be downloaded via the same portal.

theSun also spoke to several individuals to gauge their level of awareness about unclaimed money.

Export coordinator Ain Nursyabiha Isa, 24, said those who are ignorant are mostly the elderly from rural areas.

"My parents have friends who know about reclaiming money from the AGD. I am also aware of it. But many senior citizens from rural areas have no knowledgeable friends or families to advise them about these things.

"Those of my generation may also have money left dormant in forgotten accounts, and we should visit the eGUMIS website and claim it. It's our money after all."

A quantity surveyor who wished to be known only as Sarah, 27, said she is unaware of unclaimed money.

"I have never heard about it or read anything on social media regarding unclaimed money. Even if I have unclaimed money, how would I know since I have never received any notice about it?"

"If I had 10 sen in my bank account that's been dormant for years, I would not remember it because we live fast-paced lives with too many things happening. We can't be expected to remember everything, can we?"



6 OKTOBER 2022 | KHAMIS | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 8

8 NASIONAL MALAYSIA BERINTEGRITI

KHAMIS 6 OKTOBER 2022 • SINAR HARIAN

Tender meriam SPH belum ditawarkan

Proses rundingan perolehan sistem meriam artileri jenis *self-propelled Howitzer* masih berjalan

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR



Belum ada mana-mana syarikat dianugerahkan tender bagi pembekalan sistem meriam artileri jenis *self-propelled Howitzer* (SPH) Tentera Darat Malaysia (TDM).

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, proses rundingan perolehan senjata berkenaan masih berjalan.

"Sebenarnya proses perolehan SPH masih berjalan, pendedahan yang keluar hari ini cuba menimbulkan kekeuhan atau keraguan, tetapi saya boleh nyatakan SPH belum kita anugerahkan lagi," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja ke Kem Perdana Sungai Besi pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pendedahan Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli berkenaan syarikat ba-



Hishammuddin (tengah) ketika sesi lawatan ke Kem Perdana Sungai Besi pada Rabu.

haru ditubuhkan kurang dua tahun mendapat tender pembekalan sistem meriam artileri jenis SPH Tentera Darat Malaysia (TDM) bernilai RM854 juta.

Hishammuddin berkata, isu berkenaan tidak perlu dibangkitkan kerana proses untuk men-

dapat penganugerahan tender itu banyak melibatkan agensi, bukan hanya antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan.

"Sebelum ini surat-surat Kementerian dan sebagainya rahsia, kita ada Akta Rahsia Rasmi (OSA) tapi dalam keadaan se-

karang tidak ada benda yang rahsia.

"Setakat proses nak bagi projek saya tak risau sangat, tapi kalau maklumat-maklumat rahsia berhubung kait dengan perkara peralatan dan boleh menjejaskan kesiapsiagaan kita boleh bocor kepada musuh itu lebih membimbangkan saya," jelasnya.

Beliau dalam pada itu memberitahu tiada sebarang keperluan untuk melaporkan tentang kebocoran maklumat itu kepada pihak berkuasa ketika ini.

"Kalau setakat proses SPH tidak akan menjejaskan kedudukan kita. Prosesnya hanya surat daripada dua Kementerian. Kita kena seimbang mana yang betul-betul menjejaskan keselamatan, yang itu kita tidak akan kompromi.

"Sebab akhirnya keselamatan dan pertahanan negara akan terjejas nanti, tak boleh tidak bertanggungjawab dalam pendedahan sesuatu kononnya atas keterbukaan," tegasnya.

6 OKTOBER 2022 | KHAMIS | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 6



SABRI (dua dari kanan) memantau latihan anggota kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD Sri Selangor sempena Ekseksis KERISMAS 27/2022 yang sedang berlangsung di Laut China Selatan.

**MENJELANG BAJET
2023**

Kota Kinabalu

Bajet 2023 wajar menitikberatkan perolehan baharu dan menaik taraf keupayaan aset ketenteraan menerusi penambahan peruntukan pertahanan bagi menanganai ancaman terhadap keselamatan negara, kata Panglima Armada Timur Laksamana Madya Datuk Sabri Zali.

Beliau berkata menerusi kenyataan penambahan bajet pertahanan itu kritikal terutama dalam meningkatkan keupayaan aset tempur Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang semakin berusia dan berdepan isu keusangan.

"Isu keusangan aset merupakan cabaran utama yang diidap oleh TLDM dalam usaha mengatur gerak aset-asetnya secara maksimum."

"Dengan perubahan landskap ancaman maritim semasa dan campur tangan kuasa besar di Laut China Selatan, TLDM sangat memerlukan aset-aset berkeupayaan tempur bagi menepahi ancaman keselamatan kepada negara," katanya.

Aset TLDM makin usang

Penambahan bajet pertahanan kritikal untuk hadapi ancaman di Laut China Selatan



Bajet pertahanan perlu diibaratkan seperti membeli polisi insuran kepada keselamatan negara"

Sabri

Sabri berkata perolehan aset baharu seperti *Littoral Combat Ship* dan *Littoral Mission Ship* kumpulan kedua penting bagi TLDM menggalas tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

"Markas Pemerintahan Armada Timur berpendapat bahawa isu keusangan aset TLDM ini tidak akan berlaku jika bajet tahunan negara menyediakan peruntukan pertahanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan mempertahankan ne-

gara daripada ancaman keselamatan," katanya.

Beliau berkata pihaknya menyokong cadangan Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany bahawa negara perlu meningkatkan bajet pertahanan kepada 1.5 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan ia bukanlah sesuatu yang mustahil dilakukan.

"Bajet pertahanan perlu diibaratkan seperti membeli polisi insurans kepada keselamatan negara."

"Keselamatan negara akan berdepan risiko yang tinggi sekiranya hanya membeli polisi yang minimum."

"Kesannya akan lebih merugikan apabila negara berdepan krisis keselamatan," katanya.

Di samping itu, Sabri berkata Markas Pemerintahan Armada Timur akan kekal fokus mendukung misi TLDM untuk memperta-

hankan kedaulatan dan melindungi kepentingan maritim negara.

"Walaupun aset-aset sedia ada bukan pada tahap yang terbaik, Armada Timur akan kekal komited dan bersedia sebilang masa untuk memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sedaya mungkin," katanya.

Beliau berkata janji TLDM itu dizahirkan menerusi Ekseksis KERISMAS 27/2022 yang sedang berlangsung di Laut China Selatan iaitu ketika ini 23 aset dari Armada Timur dan Barat berada di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu untuk menjalani latihan tahunan tersebut.

"Ekseksis ini akan menguji tahap kesiagaan aset-aset TLDM dan kecakapan warga kapal dalam melaksanakan setiap prosedur operasi maritim serta menilai sistem sokongan bahagian logistik TLDM," katanya.

SINAR HARIAN • JUMAAT 7 OKTOBER 2022

MALAYSIA BERINTEGRITI NASIONAL 13

'Hanya langkah pendek'

Kerajaan tidak boleh buat pinjaman untuk bayar hutang

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid menjelaskan, tindakan membuat pinjaman untuk membayar hutang adalah langkah jangka pendek dan sementara.

Justeru katanya, kerajaan perlu mencari penyelesaian untuk jangka masa panjang bagi mengawal peningkatan hutang negara seterusnya memudahkan ia diurus.

"Memang pinjaman selalu dibuat untuk pembiayaan terutama perbelanjaan pembangunan.

"Cuma pada tahun ini dan tahun lepas berlaku Covid-19, yang mana sebahagian pinjaman digunakan untuk membiayai kegiatan menangani wabak itu dan menjana ekonomi un-

tuk bantu syarikat terjejas," katanya ketika sidang akhbar di bangunan Parlimen pada Khamis.

Terdahulu, Nik Azman ketika taklimat Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2021 kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan, hutang kerajaan

Persekutuan tahun lepas berjumlah RM979.81 bilion meningkat RM100 bilion berbanding tahun sebelumnya yang merekodkan RM879.56 bilion.

Dalam pada itu, ketika ditanya cadangan Jabatan Audit Negara kepada kerajaan, Nik Azman berkata, peminjaman wang tidak boleh dilihat sebagai penyelesaian jangka panjang.

"Kita bimbang kenaikan hutang sekarang tidak boleh berterusan. Maknanya ini (pinjaman) sepatutnya hanya untuk jangka pendek. Kerajaan patut ambil tindakan pembedahan supaya hutang dapat dikawal.

"Seperti disebut Wong Kah Woh



NIK AZMAN

(Pengerusi PAC) tadi (Khamis), setiap RM1 hasil yang dikutip, 16 sen daripadanya diguna untuk bayaran faedah pinjaman," ujarnya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar sama, Kah Woh menyuarakan kebimbangan terhadap trend peningkatan hutang kerajaan apabila kadar peratusan tinggi hasil negara digunakan untuk

membiayai hutang.

"Daripada RM62.317 bilion yang dipinda ke Kumpulan Wang Pembangunan, hanya RM40.994 bilion (65.8 peratus) digunakan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan, berbanding RM37.530 bilion (77.3 peratus) pada 2020.

"Manakala sejumlah RM12.612 bilion (20.2 peratus) digunakan untuk tujuan menanggung liabiliti PFI (inisiatif pembiayaan swasta) dan komitmen jaminan dan RM8.711 bilion (14 peratus) digunakan untuk tujuan pengelasan belanja mengurus untuk pembangunan," katanya.

12 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 22

Bekas YDP nafi terima suapan

Kuala Lumpur: Bekas Yang Di Pertua, Majlis Daerah Kuala Langat, Mohamad Zain A Hamid, 48, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan menerima rasuah selain pindahan wang tunai ke akaun bank teman wanitanya.

Pertuduhan kes dibaca di hadapan hakim Azura Alwi manakala pendakwa kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rasyidah Murni Adzmi.

Tertuduh didakwa menerima suapan daripada pemilik syarikat Kenali Yakini Enterprise yang ada hubungan dengan tugas rasminya sebagai Yang Di Pertua, Majlis Daerah Kuala Langat keti-

ka itu.

Ia sebagai balasan bagi membantu syarikat itu mendapatkan kerja dan sebut harga di Majlis Daerah Kuala Langat.

Tertuduh didakwa menerima barangan berharga iaitu lapan kali pindahan wang tunai ke akaun bank teman wanitanya berjumlah RM9,000 selain tiga kali pembayaran kad kredit miliknya sendiri berjumlah RM13,100.

Tertuduh dikesan melakukan kesalahan itu antara 28 September 2018 hingga 6 Mei 2020 di Kuala Lumpur.

Susulan itu beliau didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (11

Pertuduhan) yang boleh membawa hukuman penjara maksi-

mum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh yang diwakili peguam bela, Zamri Idrus bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Susulan itu hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak

RM10,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia dengan syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM Selangor serta perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Kes disambung semula pada 26 Oktober hadapan.



Tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin

12 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN
METRO | MUKA SURAT : 10



ZULKIFLEE (kanan)
didakwa menerima
suapan daripada
seorang pengarah
urusan sebuah
syarikat.

Didakwa terima RM90k

*Bekas Pengurus Komersial
MAHB tak mengaku salah*

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Pengurus Kanan Komersil, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor semalam, selepas didakwa menerima wang suapan berjumlah RM90,000.

Tertuduh Zulkiflee Abdullah, 54, didakwa menerima suapan daripada seorang pengarah urusan sebuah syarikat sebagai dorongan bagi mengesahkan, mengesyor dan meluluskan permohonan syarikat itu bagi sewaan tapak perniagaan secara promosi di ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Sibul, Lapangan Terbang Bintulu, Sarawak dan Lapangan Terbang Labuan.

Dia yang berdepan sembilan pertuduhan didakwa menerima rasuah berkenaan antara April 2011 se-

hingga Ogos 2012.

Tertuduh melanggar peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) [Akta 694] kerana gagal melaporkan kesalahan penyogokan itu kepada pihak SPRM.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(2) Akta yang sama.

Tuduhan dibacakan di hadapan hakim Rozilah Salleh oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM Natrah Fareha Rahmat.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM15,000 dan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah serta perlu melaporkan diri pada minggu pertama setiap bulan di pejabat SPRM yang berdekatan.

Kes disambung semula pada 16 November hadapan.

13 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 12

SPRM tahan wanita cuba sogok PGA RM800

Tawau: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita dipercayai cuba menyogok pegawai Pasukan Gerakan Am (PGA) supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya yang membawa keluar barangan kawalan ke Filipina.

Suspek berusia 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Sabah Cawangan Tawau jam 5.40 petang kelmarin.

Sumber berkata, wanita tempatan dipercayai memberi wang berjumlah kira-kira RM800 kepada pegawai PGA yang bertugas di Pulau Mataking sebagai ba-

lasan tidak dikenakan tindakan membawa keluar barangan kawalan ke negara jiran.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Menurutnya, suspek dilepaskan dengan jaminan RM2,000 dan seorang penjamin pada hari sama.

Katanya, kejayaan tangkap itu kerjasama antara PGA dan SPRM Sabah Cawangan Tawau dalam usaha membanteras kegiatan rasuah di daerah berkenaan.

“

**Wanita tempatan
dipercayai beri
wang RM800
kepada pegawai
PGA
Sumber**

19 OKTOBER 2022 | RABU | SINAR HARIAN | MUKA SURAT :19

SPRM tahan ketua jabatan kerajaan bergelar 'Datuk'

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar 'Datuk' kerana disyaki terlibat menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat buah kenderaan pada 2017.



HISHAMUDDIN

Lelaki berumur 40 tahun itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada pukul 8 malam Isnin dan kini direman selama empat hari hingga 21 Oktober ini bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Menurut sumber SPRM, perolehan empat kenderaan bernilai lebih RM290,000 itu adalah untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang mengesahkan penahanan lelaki berkenaan ketika dihubungi *Bernama* pada Selasa berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sementara itu di Kota Kinabalu, seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen pada Selasa, atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan berjumlah

RM15,000, dua tahun lepas.

Ali Hashin Nasip, 54, yang bertugas sebagai pemandu kenderaan di sebuah agensi kerajaan negeri membuat pengakuan berkenaan selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Dia didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai RM10,000 daripada seorang individu pada 5 September 2020 di Pejabat Tanah Daerah Kudat

sebagai dorongan mempercepat permohonan kelulusan lanjutan tempoh pajakan tanah milik individu tersebut.

Ali Hashin juga secara rasuah menerima suapan wang tunai bernilai RM5,000 bagi tujuan sama di sebuah restoran di sini pada 19 September, tahun yang sama.

Dia didakwa di bawah Seksyen 16(a) (B) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Hakim Abu Bakar membenarkan tertuduh dijamin RM7,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 November ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, Norsham Saharom dan Joe Randy Juster, manakala Ali Hashin tidak diwakili peguam. - *Bernama*

19 OKTOBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT :5

DISYAKI TERIMA RASUAH, SALAH GUNA KUASA *Ketua jabatan ditahan SPRM*

Putrajaya: Seorang ketua jabatan bergelar Datuk ditahan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai menyalah guna kuasa dan menerima rasuah.

Sumber berkata, suspek bertugas di sebuah agensi kerajaan dipercayai menerima rasuah dan menyalahguna kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat kenderaan pada 2017.

Tambahnya suspek lelaki berusia 40-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin, di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, perolehan empat kenderaan yang dibuat pada 2017 itu berjumlah lebih RM290,000 bertujuan untuk kegunaan sebuah program dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Susulan itu, suspek kini direman selama empat hari bermula semalam sehingga 21 Oktober 2022 selepas Majistret Irza Zulaikha Roha-



SEORANG ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk direman empat hari berhubung isu terima rasuah dan salah guna kuasa.

nuddin membenarkan permohonan reman dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, pagi semalam

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan

SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

19 OKTOBER 2022 | RABU | KOSMO | MUKA SURAT : 8

Ketua jabatan bergelar Datuk didakwa makan suapan


PUTRAJAYA – Seorang lelaki bergelar Datuk yang juga ketua jabatan di sebuah agensi kerajaan direman selama empat hari bagi membantu siasatan selepas dipercayai menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa pada 2017.

Menurut sumber, suspek berusia 40-an itu dipercayai telah menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan pemerolehan empat buah kenderaan pada tahun 2017.

Katanya, perolehan empat buah kenderaan yang berjumlah lebih RM290,000 itu bertujuan untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi tersebut.

"Suspek ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kira-kira pukul 8 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini kelmarin.

"Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin telah membenarkan suspek direman empat hari sehingga 21 Oktober ini selepas permohonan dikemukakan oleh SPRM di



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam untuk mendapatkan perintah tahanan reman. – FOTO IHSAN SPRM

Mahkamah Majistret Putrajaya pagi tadi (semalam)," katanya semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM,

Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi memaklumkan, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

20 OKTOBER 2022 | KHAMIS | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 20

Cubaan tipu kastam

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

*Hadapi 11 pertuduhan palsu borang isytihar
barang eksport, 11 pertuduhan guna invoice palsu*

Johor Bahru

Ahli perniagaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam ini atas 11 pertuduhan memalsukan borang pengisytiharan barangan eksport serta 11 pertuduhan pilihan menggunakan invoice palsu, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Feng Seng, 68, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi 11 pertuduhan utama, lelaki yang menjalankan perniagaan penghantaran barang didakwa memalsukan borang pengisytiharan barang yang dieksport dengan niat menipu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Dia didakwa mengikat Seksyen 468 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Manakala bagi 11 pertuduhan pilihan, tertuduh didakwa menggunakan dokumen sebagai tulin iaitu invoice yang bertujuan dilampirkan bersama borang pengisytiharan barang yang dieksport untuk melepaskan barang dagangan yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk percaya bahawa dokumen itu adalah palsu.

Untuk itu, dia dituduh mengikat Seksyen 471 Kanun Keseksamaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang



FENG Seng (kiri) mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan.

Semua kesalahan didakwa dilakukan di Kaunter Pendaftaran, Bay A2, Cawangan Eksporth, Bahagian Perkas-taman, Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, Bangunan Sultan Iskandar

(BSI) di sini, antara 9 Ogos 2019 hingga 10 Februari 2020.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan, Mohammad Azriff Firdaus Mohammad Ali mencadangkan jaminan RM10,000 dan syarat tambahan perlu melapor diri sebulan sekali sehingga kes selesai.

Peguam Mohammad Mu-zammil Mohammad Hairiri

dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) mewakili tertuduh tidak membantah semua cadangan pendakwaan dan memaklumkan isteri tertuduh hadir sebagai penjamin.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan dicadang pendakwaan.

Sebutan semula kes berkenaan ditetapkan pada 7 November depan.

**Tertuduh dibenar
diikat jamin
RM10,000 dengan
seorang penjamin**

20 OKTOBER 2022 | KHAMIS | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 24

Pegawai khas ketua jabatan kerajaan ditahan

Bantu siasatan kes rasuah perolehan empat buah kenderaan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Selasa menahan seorang pegawai khas kepada seorang ketua jabatan sebuah agensi kerajaan.

Menurut sumber, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan suspek direman selama tujuh hari bermula Rabu setelah SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Pada Selasa, seorang ketua jabatan agensi kerajaan bergelar Datuk direman kerana dipercayai menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat buah kenderaan pada tahun 2017.

Menurut sumber, perolehan empat buah kenderaan yang dibuat pada 2017 itu berjumlah lebih RM290,000 bertujuan untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi tersebut.

Pengarah Kanan Bahagian



Suspek (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Rabu.

**RASUAH
BUSTERS**

Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, seorang pengurus kanan syarikat pembinaan dan penyenggaraan ditahan SPRM di Putrajaya selepas disyaki menerima rasuah RM72,000 bagi membantu proses pinjaman daripada sebuah agensi kerajaan berjumlah RM5 juta.

Suspek berusia 53 tahun itu menerima rasuah tersebut daripada seorang pengarah urusan sebuah syarikat lain untuk membantu proses

kelulusan permohonan tersebut.

Syarikat pembinaan dan penyenggaraan tempat suspek berkhidmat itu merupakan anak syarikat kepada agensi kerajaan tersebut.

"Beliau ditahan jam 6 petang pada Selasa di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi membantu siasatan kes berkenaan," kata sumber itu pada Rabu.

Pengarah SPRM Putrajaya, Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.

Katanya, suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM setelah keterangannya selesai diambil.

Bomba didakwa makan suap RM3k

Shah Alam: Seorang anggota bomba dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM3,000 dari seorang individu, tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Nor Abdullah, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Nor iaitu Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 didakwa secara rasuah meminta dan menerima wang RM3,000 daripada seorang lelaki sebagai dorongan bagi tertuduh iaitu seorang pegawai badan awam di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pelabuhan Klang Zon 3.

Ia bagi mendapatkan sokongan daripada bomba untuk mendapatkan lesen perniagaan dari Majlis Perbandaran Klang (MPK) kepada Syarikat Process-3 Services Solution Sdn Bhd.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a) (B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-

ysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang Zon 3 pada 30 November dan 1 Disember 2021.

Pihak pendakwaan yang dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shahrizan menawarkan jaminan RM10,000 dengan syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan passport kepada mahkamah sehingga kes selesai serta melaporkan diri di Pejabat SPRM Selangor pada minggu pertama setiap bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam, PG Cyril meminta wang jaminan dikurangkan dengan alasan tertuduh perlu mempunyai dua anak yang masih kecil berusia sembilan dan 11 tahun serta perlu menanggung ibu yang uzur.



MOHD Nor (bertopi) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

HARIAN METRO | 28 OKTOBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 37

Pengarah nafi palsu dokumen untuk raih untung

Butterworth: Seorang pengarah sebuah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan memalsukan dokumen bagi mendapatkan keuntungan berjumlah RM4,950, tahun lalu.

Tertuduh K Surinderan, 38 membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, Surinderan didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu Delivery Order Syarikat Sol N Sons Sdn Bhd bernilai RM4,950.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Lebuh Sungai Pinang, Jelutong pada 10 Mac 2021.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua ta-

hun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Abd Muntaqim Abdul Aziz manakala tertuduh diwakili peguam E Gunasegaran.

Semasa prosiding, Abd Muntaqim mohon mahkamah menetapkan wang ikat jamin bersesuaian, selain mengenakan syarat tambahan seperti menyerahkan dokumen perjalanan, melapor diri ke pejabat SPRM terdekat dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga perbicaraan selesai.

Peguam tertuduh bersetuju semua syarat ditetapkan terhadap anak guamnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan mengarahkannya menyerahkan dokumen perjalanan, selain diminta melapor diri di pejabat SPRM sebulan sekali dan tidak dibenarkan mengganggu saksi.